

## Wakil Iran temui Mahathir

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) mendengar dengan serius percakapan wakil khas Kerajaan Iran, Encik Hossein Syeikholislam di pejabatnya, di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.



Wakil khas Iran itu melawat negara ini berkaitan pendirian Iran mengenai persidangan Negara-negara Berkecuali di Baghdad.

Iran dan Iraq kini berperang antara satu sama lain. Iran mencuba sedaya-upaya mengalihkan tempat persidangan dari Iraq ke India.



## PM lawat markas tentera di P.Pinang

PULAU PINANG, Khamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melawat markas Divisyen Kedua Askar Melayu Diraja di Jalan Northam di sini pagi tadi.

Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum itu memeriksa satu perbarisan pengawal keselamatan terdiri 50 orang pegawai diketuai oleh Kapten Yusoff Daud dari Batalion Ke Sembilan Askar Melayu Diraja.

Perdana Menteri kemudian diberi taklimat keselamatan oleh Panglima Divisyen tersebut, Mejar Jen. Datuk Hashim Mohamed Ali.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang diringi oleh Datuk Seri Dr. Siti Hasmah menyaksikan satu pameran senjata-senjata api yang dirampas dari penganas komunis selepas itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir tiba di lapangan terbang antarabangsa Bayan Lepas kira-kira 8.50 pagi dalam rangka lawatan meninjau Lebuh Raya Timur Barat.

Beliau disambut oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Lim Chong Eu di lapangan terbang dan lain-lain pembesar negeri. Termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Encik Zainol Mahmud.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 6667  
No. Puer.maän ..... 984 / 86